



LAPORAN SOAL SELIDIK KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM

[Dokumen ini melaporkan keputusan Soal Selidik Keberkesanan Standard Program yang telah di jalankan pada 27 Jun 2016 hingga 15 Julai 2016 dan 2 September 2016 hingga 18 September 2016 secara dalam talian. Dapatan kajian ini seterusnya dijadikan asas dalam proses melihat semula lima (5) standard program yang telah dibina pada tahun 2011 dan 2012 iaitu Hospitaliti dan Pelancongan; Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan; Muamalat dan Kewangan Islam; Multimedia Kreatif; dan Seni Lukis dan Seni Reka .]

KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	2
2.0	MAKLUMAT UMUM SOAL SELIDIK	2
3.0	DAPATAN KAJIAN	3
4.0	KESIMPULAN	19

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Standard program dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) atas permintaan pihak berkepentingan untuk digunakan sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan agensi berkaitan di dalam menawarkan program-program dalam bidang-bidang tertentu.
- 1.2. Bagi memastikan standard program yang dihasilkan menepati kehendak pihak berkepentingan, proses pembangunan standard program telah merangkumkan maklum balas pihak berkepentingan iaitu seawal dari proses pemilihan panel pakar pembina standard program sehinggalah pelaksanaan kajian perintis di PPT terpilih.
- 1.3. Penglibatan pihak berkepentingan selanjutnya diteruskan di peringkat penilaian semula keberkesanan standard program untuk tujuan kajian semula yang perlu dijalankan dalam **tempoh 5 tahun daripada tarikh kuat kuasa**.
- 1.4. Sehubungan dengan itu pada 27 Jun 2016 hingga 15 Julai 2016 dan pada 2 September 2016 hingga 18 September 2016, Bahagian Standard telah mengendalikan Soal Selidik Keberkesanan Standard Program secara dalam talian.
- 1.5. Laporan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak umum keputusan kajian yang telah dijalankan dari 195 responden yang terdiri daripada pengguna utama standard program terbitan MQA.
- 1.6. Sebarang pertanyaan mengenai laporan soal selidik ini boleh dikemukakan kepada urus setia berikut:

Puan Farhanah Mohamad : 03-7968 2617 (farhanah@mqa.gov.my)

Puan Nolida Abdul Hamid : 03-7968 2618 (norlida@mqa.gov.my)

2.0 MAKLUMAT UMUM SOAL SELIDIK

- 2.1. **Objektif kajian** keberkesanan standard program adalah untuk:-
 - i. mendapatkan maklum balas tentang standard program yang telah dibina;
 - ii. mendapatkan maklum balas tentang impak standard program dalam proses pembangunan dan semakan semula kurikulum sesuatu program;

- iii. melihat impak standard program terhadap kebolehpasaran graduan; dan
- iv. mendapatkan maklum balas tentang keperluan penilaian semula sesuatu standard program atau bidang dalam standard program.

2.2. **Skop:** kajian ini hanya melibatkan standard program yang telah dibina pada tahun 2011 dan 2012 iaitu:

- a) Hospitaliti dan Pelancongan;
- b) Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan;
- c) Muamalat dan Kewangan Islam;
- d) Multimedia Kreatif; dan
- e) Seni Lukis dan Seni Reka.

2.3 **Proses:** Kajian ini dilaksanakan secara dalam talian bagi memaksimumkan jumlah responden. Bagi memastikan semua pihak berkepentingan sedar akan kewujudan kajian impak ini secara dalam talian, semua pihak berkepentingan dimaklumkan tentang kajian impak menerusi surat rasmi dan e-mel.

2.4 Terdapat tiga jenis borang soal selidik yang telah dibina seperti di **Lampiran 1**, merangkumi tiga kelompok pihak berkepentingan utama iaitu PPT, Ahli Panel Penilai (APP) dan Pegawai MQA. Borang kaji selidik yang dibina terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

- A) Maklumat umum,
- B) Maklum balas penggunaan standard program,
- C) Pendapat untuk membantu pelaksanaan standard program,
- D) Pendapat untuk menambah baik pelaksanaan standard program, dan
- E) Cadangan standard program baharu.

Dapatan soal selidik akan diguna pakai dalam menentukan hala tuju penilaian semula dokumen standard program yang dinyatakan di atas.

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 Secara keseluruhannya, jumlah maklum balas yang diperolehi adalah 195. Perincian bagi setiap jenis responden adalah seperti berikut:


Responden	Peratus maklum balas	Catatan
PPT	68%	133 (41%) responden daripada 322 jemputan

Responden	Peratus maklum balas	Catatan
APP	24%	47 (10%) responden daripada 470 jemputan
Pegawai MQA	8%	15 (32%) responden daripada 47 jemputan

Pihak PPT merupakan penyumbang maklum balas yang terbesar dalam kajian impak yang dijalankan, diikuti oleh APP dan Pegawai MQA.

3.2 Maklumat umum (Bahagian A) bagi setiap responden adalah seperti berikut;

a) PPT



Rajah 1: Maklumat umum PPT


Nota:

T3: Sijil; T4: Diploma; T5: Diploma Lanjutan; T6: Ijazah Sarjana Muda; T7: Ijazah Sarjana; T8: Ijazah Kedoktoran.

Rajah 1 menunjukkan maklumat umum pihak PPT yang dikategorikan kepada jenis PPT, klasifikasi PPT, jumlah program serta tahap program yang ditawarkan. Lebih banyak responden dari PPT swasta memberikan maklum balas mengenai standard program yang telah dibina oleh MQA berbanding PPT awam. Responden dari pelbagai jenis PPT menunjukkan bahawa kajian ini telah merangkumkan semua jenis pengguna standard program.

Majoriti PPT yang terlibat dalam kajian ini adalah PPT yang menawarkan sekurang-kurangnya satu program dan maksima lima program berkaitan dengan standard program yang ingin dikaji semula. Manakala 14 (11%) daripada jumlah responden PPT menawarkan lebih dari 10 program berkaitan. PPT yang memberi maklum balas turut menawarkan program di pelbagai tahap pengajian.

b) APP



Rajah 2: Maklumat umum APP


Nota:

T3: Sijil, T4: Diploma, T5: Diploma Lanjutan, T6: Ijazah Sarjana Muda, T7: Ijazah Sarjana, T8: Ijazah Kedoktoran.

Rajah 2 menunjukkan maklumat umum tentang APP iaitu berdasarkan institusi dan klasifikasi institusi APP, tempoh perkhidmatan sebagai APP dan tahap program yang pernah dinilai.

APP dari institusi awam merupakan majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini. Majoriti APP juga adalah dari universiti dan kolej universiti. 27 orang (57%) responden telah berkhidmat menjadi APP dalam tempoh satu hingga tiga tahun, 12 orang (26%) bagi tempoh empat hingga enam tahun dan lapan orang (17%) lebih dari tujuh tahun.

c) Pegawai MQA



Rajah 3: Maklumat umum Pegawai MQA


Rajah 3 menunjukkan tempoh perkhidmatan Pegawai MQA yang memberikan maklum balas dalam kajian ini. Majoriti iaitu seramai 9 orang (60%) pegawai MQA yang menjadi responden telah berkhidmat lebih tujuh tahun di MQA.

3.3 **Maklum balas penggunaan standard program** (Bahagian B) bagi setiap responden adalah seperti berikut:

a) PPT

Di Bahagian B terdapat 14 soalan dikemukakan kepada PPT seperti berikut:

No. Soalan	Soalan
B01	Adakah standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami?
B02	Adakah standard minimum yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan?
B03	Adakah standard program yang berkaitan menjadi rujukan utama dalam pembangunan program baru dan penyemakan program?
B04	Adakah standard program yang berkaitan membantu PPT memahami keperluan program bagi sesuatu bidang pengajian?
B05	Adakah standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang?
B06	Adakah standard program yang berkaitan mengurangkan kos pembangunan program baru serta penyemakan program?
B07	Adakah standard program yang berkaitan mengurangkan masa pembangunan program baru serta penyemakan program?
B08	Adakah standard program telah meningkatkan komunikasi antara MQA dan institusi pendidikan tinggi?
B09	Adakah MQA menyediakan bimbingan yang jelas berkenaan pelaksanaan standard program kepada PPT?
B10	Adakah standard program telah meningkatkan rasa kehilangan autonomi di kalangan PPT?
B11	Adakah standard program telah meningkatkan rasa akauntabiliti di kalangan PPT?
B12	Adakah standard program yang berkaitan memudahkan PPT mendapat akreditasi sementara dan akreditasi penuh program?
B13	Adakah standard program memenuhi kehendak industri dan memberi impak positif terhadap kebolehgajian graduan?
B14	Adakah standard program mampu melahirkan usahawan dan berupaya mewujudkan peluang pekerjaan?



Rajah 4: Peratusan responden bagi soalan di Bahagian B

Rajah 4 menunjukkan bahawa peratusan responden yang setuju dan sangat setuju bagi soalan 1 hingga 9 dan soalan 11 hingga 14 adalah tinggi iaitu melebihi 80% berbanding dengan yang tidak setuju.


Dapatan ini memberi gambaran bahawa standard program yang dibangunkan sememangnya dapat diterima pakai oleh pihak PPT dalam proses pembangunan sesuatu program, membantu PPT dalam proses mendapatkan akreditasi, sekali gus melahirkan graduan yang berkualiti dalam bidang-bidang berkaitan. Bagi soalan 10, peratusan responden yang tidak setuju adalah 57%. Ini menunjukkan bahawa standard program yang dibangunkan tidak mengurangkan rasa kehilangan autonomi di kalangan PPT.

b) APP

Di Bahagian B terdapat 9 soalan dikemukakan kepada APP seperti berikut:

No. Soalan	Soalan
B01	Adakah standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami?
B02	Adakah standard minimum yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan?
B03	Adakah standard program yang berkaitan menjadi rujukan utama dalam pembangunan program baru dan penyemakan program?

No. Soalan	Soalan
B04	Adakah standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang?
B05	Adakah standard program yang berkaitan menghadkan APP daripada memberikan pandangan mengenai perkembangan terkini?
B06	Adakah standard program yang berkaitan membantu mempercepatkan tempoh penilaian program?
B07	Adakah standard program telah meningkatkan komunikasi antara pegawai akreditasi MQA dan APP?
B08	Adakah MQA menyediakan bimbingan yang jelas berkenaan pelaksanaan standard program kepada PPT?
B09	Adakah PPT mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi dengan adanya standard program?




Rajah 5: Peratusan responden bagi soalan di Bahagian B

Rajah 5 secara keseluruhannya menunjukkan bahawa APP bersetuju standard program yang dibangunkan adalah mudah difahami dan boleh dijadikan rujukan utama untuk melaksanakan proses penilaian. Selain itu, APP berpendapat bahawa penggunaan standard program mempercepatkan tempoh penilaian program dan membantu PPT dalam memperolehi akreditasi. Didapati 25 orang (53%) responden tidak bersetuju bahawa standard program yang dibina menghadkan APP daripada memberi pandangan. Ini menunjukkan bahawa standard program tidak menghadkan APP daripada memberi pandangan.

c) Pegawai MQA

Di Bahagian B terdapat 8 soalan dikemukakan kepada Pegawai MQA seperti berikut:

No. Soalan	Soalan
B01	Adakah standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami?
B02	Adakah standard minimum yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan?
B03	Adakah standard program yang berkaitan membantu dalam urusan penilaian program?
B04	Adakah standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang?
B05	Adakah standard program yang berkaitan membantu mengurangkan masa penilaian program?
B06	Adakah standard program telah meningkatkan komunikasi antara pegawai akreditasi MQA dan PPT?
B07	Adakah MQA menyediakan bimbingan yang jelas berkenaan pelaksanaan standard program kepada PPT?
B08	Adakah PPT mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi dengan adanya standard program?




Rajah 6: Peratusan responden bagi soalan di Bahagian B

Rajah 6 menunjukkan bahawa majoriti Pegawai MQA bersetuju bahawa standard program berkaitan adalah mudah difahami, realistik pelaksanaannya, membantu urusan penilaian program dan relevan dengan keperluan semasa


bidang. Majoriti responden bersetuju bahawa standard program yang dibina membantu mengurangkan masa penilaian program, meningkatkan komunikasi antara pegawai akreditasi dan PPT, dan meningkatkan peluang PPT untuk mendapatkan akreditasi.

d. Tempoh dan keperluan semakan semula standard program juga turut ditanya dalam sula selidik ini. Rajah 7 adalah ilustrasi terhadap peratusan dapatan kajian.




Rajah 7: Maklum balas tempoh yang sesuai untuk semakan semula standard program

Berdasarkan maklum balas yang diterima, **lima tahun adalah tempoh yang dipersetujui sesuai oleh majoriti responden (PPT, APP dan Pegawai MQA) untuk membuat penyemakan semula standard program.** Tempoh lima tahun dapat memberikan ruang masa yang mencukupi untuk PPT, APP dan Pegawai MQA menilai kandungan dan kepentingan kegunaan sesuatu standard program. Oleh itu penetapan kajian semula standard program yang diguna pakai sekarang oleh MQA untuk mengkaji semula standard program dalam tempoh lima tahun akan dikekalkan.



Rajah 8: Pandangan sama ada 5 standard program perlu disemak semula




Rajah 9: Maklum balas keperluan semakan semula 5 standard program

Berdasarkan kepada Rajah 8 dan 9, didapati majoriti responden menyatakan bahawa lima standard program berkenaan tidak perlu disemak semula. Bagi yang memilih 'Ya', susunan keperluan standard yang perlu disemak adalah seperti berikut:

1. Multimedia Kreatif
2. Hospitaliti dan Pelancongan
3. Seni Lukis dan Seni Reka
4. Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan
5. Muamalat dan Kewangan Islam

Namun begitu, bagi 36% responden yang menyatakan lima standard program ini perlu disemak semula telah memilih beberapa bahagian untuk semak semula seperti pada Rajah 10.



Rajah 10: Maklum balas mengenai bahagian standard program yang perlu disemak semula

Bahagian yang dicadangkan oleh responden untuk disemak semula adalah seperti berikut;

- i. Hasil Pembelajaran.
- ii. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum.
- iii. Penilaian Pelajar.
- iv. Pemilihan Pelajar.
- v. Pemantauan dan Semakan Program.

3.4 Maklum balas responden yang diterima bagi tindakan yang boleh MQA lakukan untuk membantu dan menambah baik pelaksanaan standard program adalah seperti berikut:

a) Standard Program : Hospitaliti dan Pelancongan

- i. Satu standard program yang lebih fokus kepada pelaksanaan *Technical Vocational Education and Training* (TVET) di kolej komuniti.

- ii. MQA perlu lebih fleksibel dalam mengira peratusan antara aspek teori dan amali bagi program hospitaliti kerana pelajar-pelajar lebih perlu didedahkan pada aspek amali di dalam industri sebenar. Jika boleh, mereka perlu didedahkan pada aspek amali seawal semester 1.
- iii. Memasukkan standard program bagi pelajar bekerja 'working adult' khusus untuk program *hospitality* dan pelancongan.
- iv. Pengecualian pelajar *working adult* untuk sesi *industrial training* menerusi APEL (C) jika didapati layak. Penjelasan proses dan penilaian diperlukan.
- v. Penerangan mengenai perbezaan *industrial training* dan portfolio, pecahan kredit, fungsi lawatan akademik serta mengenai proses *evaluation industrial training*. Apa yang dikehendaki oleh pelajar untuk dilaporkan.
- vi. MQA boleh mengadakan mesyuarat dua kali setahun dengan pengajar bidang hospitaliti untuk membincangkan kaedah memperbaiki standard serta memberikan standard yang dipetakan dengan keperluan industri.

b) Standard Program : Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan

- i. Membuat perbandingan dengan hasil pembelajaran seperti dalam *International Engineering Alliance (IEA)* dan *Washington Accord*. Juga, menerangkan secara jelas peranan Majlis Akreditasi Jurutera (EAC) dan Majlis Teknologi Malaysia (MBOT).
- ii. Meluaskan lagi kelayakan pengajar program kepada pengajar yang memiliki kelayakan bidang kemahiran dan sijil profesional dalam bidang berkaitan.
- iii. MQA wajar bekerjasama dengan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam pembinaan standard program yang khusus supaya tenaga mahir yang lebih berkualiti dapat dihasilkan untuk memenuhi permintaan industri.
- iv. Tambahan maklumat berkenaan *Post Graduate Certificate* dan *Post Graduate Diploma* amat diperlukan.
- v. Membuat ringkasan untuk buku panduan standard program. Maklum balas daripada pihak MQA perlu lebih jelas. Pihak MQA perlu mengasingkan dengan jelas di antara standard kejuruteraan, teknologi kejuruteraan dan teknologi.
- vi. Menyelesaikan isu takrifan dan pemahaman *Program Educational Outcome (PEO)* yang tidak seragam.
- vii. Meluaskan penglibatan pakar TVET dari PPT yang berkaitan dalam menghalusi dan membangunkan standard program bagi bidang Teknologi Kejuruteraan.

- viii. Mewujudkan program standard Teknologi Kejuruteraan berasingan dengan bidang Kejuruteraan.
- ix. Tambahan bidang yang lebih spesifik seperti kluster pembuatan dan kluster mekatronik industri.

c) Standard Program : Seni Lukis dan Seni Reka

- i. Mempermudah permohonan berdasarkan standard program.
- ii. Keperluan untuk memasarkan standard program.
- iii. Multimedia kreatif harus dikecualikan kerana ia mempunyai standard program yang berasingan. Sebagai penambahan kepada program yang tertakluk di bawah standard program ini, sewajarnya disenaraikan juga program yang tidak tertakluk di bawah standard contohnya multimedia kreatif, rekaan dalaman dan sebagainya.
- iv. Penggunaan terma bagi *common core, programme core, discipline core, concentration, elective, minor* dan sebagainya perlu mempunyai definisi yang standard bagi setiap bidang. Di dalam standard program, definisi terma elektif didapati kurang tepat.
- v. Sering menghubungkan pakar-pakar industri, tenaga pengajar dan APP berkaitan bagi mengenal pasti *trend*, kehendak dan teknologi semasa industri sekurang-kurangnya sekali setahun untuk melihat sebarang 'loop hole' dan menilai 'outcome' sepanjang standard dilaksanakan.

3.5 Maklum balas umum responden tentang lain-lain perkara adalah seperti berikut:

Bil.	Tindakan	Maklum Balas
1.	Pusat Latihan Jaminan Kualiti Malaysia (MQATC)	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan kursus-kursus serta taklimat untuk pemahaman mendalam tentang standard program. • Pendedahan kepada PPT dari semasa ke semasa tentang kepentingan Standard Program sebagai rujukan dalam pembangunan dan pelaksanaan program berkaitan melalui <i>roadshow</i>, seminar dan sebagainya. • Pemilihan dan latihan kepada penilai/ auditor agar penilai memahami konsep dan prinsip penilaian program, iaitu salah satunya ialah menyediakan peluang penambahbaikan ke atas program akademik. • Pihak MQA boleh mengadakan siri jelajah ke PPT (terutamanya IPTS) bagi memberi

Bil.	Tindakan	Maklum Balas
		<p>penjelasan dan bimbingan secara terperinci mengikut standard yang telah ditetapkan oleh pihak MQA.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjelasan yang terperinci tentang setiap <i>area</i> penilaian terutamanya <i>area</i> 1 hingga 3 dan rujukan tambahan kepada standard melalui polisi dan peraturan semasa MQA dan KPT.
2.	Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (UHEAA)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan <i>pamphlets</i> atau <i>brochures</i> mengenai standard program untuk diedarkan kepada umum khususnya PPT. • Pembekalan maklumat-maklumat terkini berkaitan dengan industri yang berkenaan. • Menyebar luas kepada semua pensyarah universiti awam dan swasta.
3.	Bahagian Standard	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan <i>instrument</i> pengukuran untuk memantau CQI. • Menyediakan panduan untuk penghitungan pencapaian hasil pembelajaran kursus dan juga program untuk menyelaraskan pelaksanaan 'Outcome-Based Education'. • Banyakkan rujukan bahagian kaedah dan proses semakan semula program (kaedah penentuan perubahan 30%). • Setiap perubahan kandungan dalam Standard Program, perlu melibatkan PPT dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan di setiap PPT. • Melihat semula kepada standard (<i>benchmarking</i>) yang diguna pakai di peringkat global supaya graduan yang dihasilkan dapat menembusi pasaran antarabangsa. Juga menjemput pakar-pakar bidang yang dikenal pasti dalam membantu penggubalan sesuatu standard program tersebut. Dicadangkan supaya MQA juga boleh menjemput pakar daripada luar negara dalam penggubalan ini. • MQA boleh melakukan soal selidik keperluan industri dari semasa ke semasa. • Melaksanakan kajian semula kurikulum agar selaras dengan perubahan terkini dengan

Bil.	Tindakan	Maklum Balas
		<p>melibatkan pihak industri dan pihak PPT supaya visi dan misi untuk melahirkan tenaga kerja yang berketerampilan dan memenuhi kehendak pasaran industri tercapai.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan panel penggubal standard program adalah daripada bidang berkaitan supaya proses penilaian lebih telus dan relevan dengan kehendak pasaran.
4.	Bahagian Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Mewajibkan setiap PPT mempunyai jabatan kualiti yang berfungsi.
5.	Bahagian Audit Institusi / Bahagian Akreditasi	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat pemantauan dan penilaian terhadap standard program dengan lebih kerap agar ia bersesuaian dengan pasaran kerja. • MQA boleh membantu pelaksanaan standard program melalui pemantauan program dari semasa ke semasa agar mutu pembelajaran dapat diperbaiki pada masa hadapan. • Untuk menambah baik pelaksanaan standard program, pihak MQA disarankan membuat lawatan ke PPT sebagai langkah pemantauan dalam pelaksanaan standard program yang telah ditetapkan.

3.6 Cadangan standard program baharu yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

Bil.	Standard yang Dicadangkan	Kekerapan responden	Bidang	Catatan
	<p>Seni Bina dan Perancangan Bandar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seni Bina Landskap. • <i>Architecture</i> / Seni Bina. • Reka bentuk Dalaman / Seni Bina Dalaman. • Alam Bina. 	<p>1</p> <p>3</p> <p>1</p> <p>1</p>	Kejuruteraan dan Alam Bina	
	<p>Teknologi Kejuruteraan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Teknologi Kejuruteraan yang 	2	Kejuruteraan dan Alam Bina	

Bil.	Standard yang Dicadangkan	Kekerapan responden	Bidang	Catatan
	khusus / Pengurusan teknologi kejuruteraan. <ul style="list-style-type: none"> • Program-program yang dikategorikan sebagai TVET. • Mengasingkan dengan jelas di antara standard kejuruteraan, teknologi kejuruteraan dan teknologi. • Standard Program Teknologi. 	1 1 1		
	Teknik Audio Visual dan Produksi Media <ul style="list-style-type: none"> • <i>Digital Animation Design and Digital Game Design.</i> • Permainan digital yang menggabungkan elemen reka bentuk dan komputeran. 	3 1	Sastera dan Kemanusiaan	
	Perniagaan dan Pentadbiran <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Industri Halal. 	3	Sains Sosial	
	Tanaman dan Ternakan <ul style="list-style-type: none"> • Agroteknologi. • Perladangan. 	1 1	Sains dan Perubatan	
	Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi. 	2	Sains Sosial	
	Bahasa <ul style="list-style-type: none"> • Standard Program bagi Bahasa (Melayu, English, Arab dan lain-lain). 	1	Sastera dan Kemanusiaan	
	Pengurusan dan Pentadbiran <ul style="list-style-type: none"> • <i>Event Management</i> • <i>Marketing & International Business.</i> 	1 1	Sains Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Telah dibina

Bil.	Standard yang Dicadangkan	Kekerapan responden	Bidang	Catatan
	Biologi dan Biokimia <ul style="list-style-type: none"> • Kepelbagaian biologi dan pemuliharaan alam sekitar. • Teknologi Biotek. 	1 1	Sains dan Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Telah dibina
	Sains Am <ul style="list-style-type: none"> • Standard bidang sains (termasuk sains gunaan, fizik, kimia, matematik dan statistik). 	1	Sains dan Perubatan	
	Seni Reka <ul style="list-style-type: none"> • Program yang melibatkan 'multi-decipline'. Program Pasca Siswazah secara 'course work'. • <i>Fine Art in Metal.</i> • <i>Fine Art in Ceramics.</i> 	1 1 1	Sastera dan Kemanusiaan	<ul style="list-style-type: none"> • Telah dibina • Telah dibina
	Perikanan <ul style="list-style-type: none"> • Akuakultur. 	1	Sains dan Perubatan	
	Agama <ul style="list-style-type: none"> • Pengajian Turath @ Pondok. 	1	Sastera dan Kemanusiaan	

4.0 KESIMPULAN

4.1 Secara amnya soal selidik yang telah dijalankan telah mencapai objektif seperti yang dihasratkan kerana menerusi input yang diberikan, MQA dapat:

- mengetahui bahawa lima standard program terbitan MQA telah memberi impak positif kepada pengguna secara umum; dapat membantu PPT dalam proses pembangunan dan semakan semula kurikulum sesuatu program; dan dapat membantu kebolehpasaran graduan;

- memperoleh ulasan dan cadangan penambahbaikan daripada pengguna utama standard yang akan dijadikan panduan dalam proses mengkaji semula standard program yang berkaitan; dan
 - mengetahui cadangan standard program baharu yang perlu dibina di masa akan datang oleh MQA berdasarkan cadangan daripada responden.
- 4.2 Bagi mendapatkan maklum balas dari pihak industri, satu sesi dialog bersama pihak industri akan dijalankan bagi mendapatkan maklum balas terhadap graduan untuk lima bidang berkaitan standard program yang akan dikaji semula.
- 4.3 Diharap dengan adanya input dari kajian ini standard program yang dihasilkan kelak akan lebih menepati kehendak pengguna dan memudahkan semua pihak dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran.

LAMPIRAN 1

**SOAL SELIDIK KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM XXXX
KEPADA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

**Pendahuluan**

Borang soal selidik ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan standard program yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap program Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Pihak MQA amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan PPT untuk memberi maklum balas dengan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklum balas yang diterima akan diuruskan sebagai maklumat sulit. Maklumat yang diberikan sangat berguna kepada MQA untuk merancang, mengurus dan bekerjasama dengan PPT untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi Malaysia.

Arahan

Sila isikan borang soal selidik ini dengan menandakan ✓ di ruang yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Pn. Farhanah Mohamad di talian 03 – 7968 2617 atau emel mahfiza@mqa.gov.my atau Pn. Norlida Abdul Hamid di talian 03 – 7968 2618 atau emel norlida@mqa.gov.my

A. Maklumat Umum

1. Jenis PPT (di isi sekali sahaja)

Awam Swasta

2. Klasifikasi PPT (di isi sekali sahaja)

Universiti dan Kolej Universiti Lain - lain (i.e kolej, institusi)

3. Jumlah program yang ditawarkan untuk standard program yang berkaitan

1 - 5 6 - 10 11 - ke atas

4. Tahap program yang ditawarkan untuk standard program yang berkaitan (Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) (boleh di tanda lebih daripada 1)

Tahap 3 (Sijil) Tahap 4 (Diploma) Tahap 5 (Diploma Lanjutan)

Tahap 6 (Sarjana Muda) Tahap 7 (Sarjana) Tahap 8 (Kedoktoran)

Skala Penilaian

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
1. Standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami.					
2. Standard minimum yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan.					
3. Standard program yang berkaitan menjadi rujukan utama dalam pembangunan program baru dan penyemakan program.					
4. Standard program yang berkaitan membantu PPT memahami keperluan program bagi sesuatu bidang pengajian.					
5. Standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang.					
6. Standard program yang berkaitan mengurangkan kos pembangunan program baru serta penyemakan program.					
7. Standard program yang berkaitan mengurangkan masa pembangunan program baru serta penyemakan program.					
8. Standard program telah meningkatkan komunikasi antara MQA dan institusi pendidikan tinggi					
9. MQA menyediakan bimbingan yang jelas berkenaan pelaksanaan standard program kepada PPT.					
10. Standard program telah meningkatkan rasa kehilangan autonomi di kalangan PPT.					

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
11. Standard program telah meningkatkan rasa akauntabiliti di kalangan PPT.					
12. Standard program yang berkaitan memudahkan PPT mendapat akreditasi sementara dan akreditasi penuh program.					
13. Standard program memenuhi kehendak industri dan memberi impak positif terhadap kebolehgajian graduan.					
14. Standard program mampu melahirkan usahawan dan berupaya mewujudkan peluang pekerjaan.					
15. Secara umumnya, MQA menetapkan semakan semula sesuatu standard program dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh berkuat kuasa penggunaan standard program. a) Apakah tempoh yang sesuai bagi penyemakan standard program ini? b) Adakah standard program ini perlu disemak sekarang?	<p>Dalam tempoh 3 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 4 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 5 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p>				
16. Jika ya, sila tandakan bahagian yang perlu disemak semula untuk penambahbaikan. (boleh tanda lebih daripada 1).	a. Matlamat Program	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	b. Hasil Pembelajaran	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	c. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
d. Penilaian Pembelajaran Pelajar			<input type="checkbox"/>		Ulasan:
e. Pemilihan Pelajar			<input type="checkbox"/>		Ulasan:
f. Staf Akademik			<input type="checkbox"/>		Ulasan:
g. Sumber Pendidikan			<input type="checkbox"/>		Ulasan:
h. Pemantauan dan Semakan Program			<input type="checkbox"/>		Ulasan:
i. Kepimpinan, Governan dan Pentadbiran			<input type="checkbox"/>		Ulasan:
j. Penambahbaikan Kualiti Berterusan			<input type="checkbox"/>		Ulasan:
C. Pada pendapat anda, apa yang boleh MQA lakukan untuk membantu pelaksanaan standard program?					
D. Pada pendapat anda, apa yang boleh MQA lakukan untuk menambahbaik pelaksanaan standard program?					
E. Pada pendapat anda, apakah standard program baru yang diperlukan oleh PPT?					

Nama:
 Jawatan:
 Telefon:
 E-mel:

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM XXXX
KEPADA AHLI PANEL PENILAI (APP)



Pendahuluan

Borang soal selidik ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan standard program yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai panduan untuk Ahli Panel Penilai (APP). Pihak MQA amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan APP untuk memberi maklum balas dengan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklum balas yang diterima akan diuruskan sebagai maklumat sulit. Maklumat yang diberikan sangat berguna kepada MQA untuk merancang, mengurus dan bekerjasama dengan APP untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi Malaysia.

Arahan

Sila isikan borang soal selidik ini dengan menandakan ✓ di ruang yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Pn. Farhanah Mohamad di talian 03 – 7968 2617 atau emel mahfiza@mqa.gov.my atau Pn. Norlida Abdul Hamid di talian 03 – 7968 2618 atau emel norlida@mqa.gov.my

A. Maklumat Umum

1. Institusi APP

Awam Swasta

2. Klasifikasi Institusi APP

Universiti dan Kolej Universiti Lain - lain

3. Tempoh menjadi APP (tahun)

Kurang dari setahun 1 - 3 4 - 6 7 - ke atas

4. Tahap program yang pernah dinilai (Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) (boleh ditanda lebih daripada 1)

Tahap 3 (Sijil) Tahap 4 (Diploma) Tahap 5 (Diploma Lanjutan)

Tahap 6 (Sarjana Muda) Tahap 7 (Sarjana) Tahap 8 (Kedoktoran)

Skala Penilaian

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
1. Standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami.					
2. Standard dan kriteria yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan.					
3. Standard program yang berkaitan menjadi rujukan utama dalam urusan penilaian program.					
4. Standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang.					
5. Standard program yang berkaitan menghadkan APP daripada memberikan pandangan mengenai perkembangan terkini.					
6. Standard program yang berkaitan membantu mempercepatkan tempoh penilaian program.					
7. Standard program telah meningkatkan komunikasi antara pegawai akreditasi MQA dan APP.					
8. MQA menyediakan bimbingan yang jelas berkenaan pelaksanaan standard program kepada PPT.					
9. PPT mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi dengan adanya standard program.					
10. Secara umumnya, MQA menetapkan semakan semula sesuatu standard program dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh berkuat kuasa penggunaan standard program.					

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
<p>a) Apakah tempoh yang sesuai bagi semakan semula standard program ini?</p> <p>b) Adakah standard program ini perlu disemak semula sekarang?</p>	<p>Dalam tempoh 3 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 4 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 5 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p>				
<p>11. Jika ya, sila tandakan bahagian yang perlu disemak semula untuk penambahbaikan. (boleh tanda lebih daripada 1).</p>	a. Matlamat Program		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	b. Hasil Pembelajaran		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	c. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	d. Penilaian Pelajar		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	e. Pemilihan Pelajar		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	f. Staf Akademik		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	g. Sumber Pendidikan		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	h. Pemantauan dan Semakan Program		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	i. Kepimpinan, Governan dan Pentadbiran		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
	j. Penambahbaikan Kualiti Berterusan		<input type="checkbox"/>		Ulasan:
<p>C. Pada pendapat anda, apa yang boleh MQA lakukan untuk membantu pelaksanaan standard program?</p>					

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
D. Pada pendapat anda, apa yang boleh MQA lakukan untuk menambahbaik pelaksanaan standard program?					
E. Pada pendapat anda, apakah cadangan standard program baru yang diperlukan oleh APP?					

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM XXXX
KEPADA PEGAWAI AKREDITASI MQA



Pendahuluan

Borang soal selidik ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan standard program yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai panduan kepada pegawai MQA. Pihak MQA amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan pegawai MQA untuk memberi maklum balas dengan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklum balas yang diterima akan diuruskan sebagai maklumat sulit. Maklumat yang diberikan sangat berguna kepada MQA untuk merancang, mengurus dan bekerjasama dengan pegawai MQA untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi Malaysia.

Arahan

Sila isikan borang soal selidik ini dengan menandakan ✓ di ruang yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Pn. Farhanah Mohamad di talian 03 – 7968 2617 atau emel mahfiza@mqa.gov.my atau Pn. Norlida Abdul Hamid di talian 03 – 7968 2618 atau emel norlida@mqa.gov.my

A. Maklumat Umum

1. Tempoh bekerja di bahagian akreditasi (tahun)

Kurang dari
setahun

1 - 3

4 - 6

7 - ke atas

Skala Penilaian

1	2	3	4
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju

B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program

Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
1. Standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami.					
2. Standard minimum yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan.					
3. Standard program yang berkaitan membantu dalam urusan penilaian program.					
4. Standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang.					

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
5. Standard program yang berkaitan membantu mengurangkan masa penilaian program.					
6. Standard program telah meningkatkan komunikasi antara pegawai akreditasi MQA dan PPT					
7. MQA menyediakan bimbingan yang jelas berkenaan pelaksanaan standard program kepada PPT.					
8. PPT mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi dengan adanya standard program.					
9. Secara umumnya, MQA menetapkan semakan semula sesuatu standard program dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh berkuat kuasa penggunaan standard program. a) Apakah tempoh yang sesuai bagi semakan semula standard program ini? b) Adakah standard program ini perlu disemak semula sekarang?	Dalam tempoh 3 tahun <input type="checkbox"/> Dalam tempoh 4 tahun <input type="checkbox"/> Dalam tempoh 5 tahun <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/>				Tidak <input type="checkbox"/>
10. Jika ya, sila tandakan bahagian yang perlu disemak semula untuk penambahbaikan. (boleh tanda lebih daripada 1).	a. Matlamat Program	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	b. Hasil Pembelajaran	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	c. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	d. Penilaian Pelajar	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	e. Pemilihan Pelajar	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
	f. Staf Akademik	<input type="text"/>			Ulasan:
	g. Sumber Pendidikan	<input type="text"/>			Ulasan:
	h. Pemantauan dan Semakan Program	<input type="text"/>			Ulasan:
	i. Kepimpinan, Governan dan Pentadbiran	<input type="text"/>			Ulasan:
	j. Penambahbaikan Kualiti Berterusan	<input type="text"/>			Ulasan:
C. Pada pendapat anda, apa yang boleh MQA lakukan untuk membantu pelaksanaan standard program?					
D. Pada pendapat anda, apa yang boleh MQA lakukan untuk menambahbaik pelaksanaan standard program?					
E. Pada pendapat anda, apakah cadangan standard program baru yang diperlukan oleh pegawai akreditasi MQA?					